



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERIPADUKABAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 56
No. 7

30hb Mac 2012

TAMBAHAN No. 36
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 87.

AKTA KERJA 1955

PERINTAH KERJA (PENGECEUALIAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 2B Akta Kerja 1955 [Akta 265], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kerja (Pengecualian) 2012**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 April 2012.

Pengecualian

2. Mana-mana orang yang membuat kontrak untuk perkhidmatan dengan prinsipal untuk membekalkan pekerja yang diperlukan oleh prinsipal bagi pelaksanaan keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada kerja untuk prinsipal dalam mana-mana industri, institusi perniagaan atau perusahaan, selain perusahaan pertanian, dikecualikan daripada seksyen 31, 33A, 69 dan 73 Akta.

Dibuat 27 Mac 2012
[KSM/PUU/T/05/14 Jld. 3; PN(PU²)192/X]

DATUK SERI DR. SUBRAMANIAM A/L K.V. SATHASIVAM
Menteri Sumber Manusia

EMPLOYMENT ACT 1955

EMPLOYMENT (EXEMPTION) ORDER 2012

IN exercise of the powers conferred by section 2B of the Employment Act 1955 [Act 265], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Employment (Exemption) Order 2012**.

(2) This Order comes into operation on 1 April 2012.

Exemption

2. Any person who enters into contract for service with a principal to supply the employees required by the principal for the execution of the whole or any part of any work for the principal in any industry, establishment or undertakings other than the agriculture undertakings, is exempted from sections 31, 33A, 69 and 73 of the Act.

Made 27 March 2012

[KSM/PUU/T/05/14 Jld. 3; PN(PU²)192/X]

DATUK SERI DR. SUBRAMANIAM A/L K.V. SATHASIVAM
Minister of Human Resources

P.U. (A) 88.

AKTA KERJA 1955

PERINTAH KERJA (PINDAAN JADUAL PERTAMA) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 2(2) Akta Kerja 1955 [Akta 265], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kerja (Pindaan Jadual Pertama) 2012**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 April 2012.

Pindaan Jadual Pertama

2. Jadual Pertama kepada Akta Kerja 1955 dipinda dalam butiran 1 di bawah kepala “Employee” dengan menggantikan perkataan “one thousand five hundred” dengan perkataan “two thousand”.

Dibuat 27 Mac 2012

[KSM/PUU/T/05/14 Jld. 3; PN(PU²)192/X]

DATUK SERI DR. SUBRAMANIAM A/L K.V. SATHASIVAM
Menteri Sumber Manusia

EMPLOYMENT ACT 1955**EMPLOYMENT (AMENDMENT OF FIRST SCHEDULE) ORDER 2012**

In exercise of the powers conferred by subsection 2(2) of the Employment Act 1955 [*Act 265*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Employment (Amendment of First Schedule) Order 2012**.

(2) This Order comes into operation on 1 April 2012.

Amendment of First Schedule

2. The First Schedule to the Employment Act 1955 is amended in item 1 under the heading “Employee” by substituting for the words “one thousand five hundred” the words “two thousand”.

Made 27 March 2012

[KSM/PUU/T/05/14 Jld. 3; PN(PU²)192/X]

DATUK SERI DR. SUBRAMANIAM A/L K.V. SATHASIVAM
Minister of Human Resources

P.U. (A) 89.

AKTA PELINDUNGAN PENGGUNA 1999

**PERATURAN-PERATURAN PELINDUNGAN PENGGUNA
(JUALAN KREDIT) 2012**

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PEMAKAIAN

3. Pemakaian dan pengecualian
4. Jualan kredit
5. Perjanjian jualan kredit
6. Hak pembeli untuk memilih bahasa perjanjian jualan kredit
7. Ketelusan maklumat
8. Butiran yang perlu dimasukkan dalam perjanjian jualan kredit
9. Kontrak perjanjian jualan kredit bagi dua atau lebih jenis barangan
10. Faedah dan caj sampingan
11. Penyelesaian awal
12. Penzahiran maklumat peribadi pembeli kepada pihak ketiga
13. Penyelesaian pertikaian alternatif sekiranya berlaku kemungkiran pembayaran

BAHAGIAN III

AM

14. Kewajipan menyimpan dan menyenggara rekod pembayaran
15. Kesalahan
16. Kecualian dan peralihan

AKTA PELINDUNGAN PENGGUNA 1999

PERATURAN-PERATURAN PELINDUNGAN PENGGUNA (JUALAN KREDIT) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 150 Akta Pelindungan Pengguna 1999 [*Akta 599*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pelindungan Pengguna (Jualan Kredit) 2012**.
- (2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2012.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“kemudahan kredit” ertinya kemudahan yang melibatkan bayaran secara ansuran yang diberikan kepada pembeli dalam transaksi jualan kredit;

“penjual” ertinya mana-mana orang yang menjual barangan secara jualan kredit kepada mana-mana pembeli;

“pemberi kemudahan kredit” ertinya mana-mana orang yang memberikan kemudahan kredit kepada pembeli dalam transaksi jualan kredit;

“rebat” ertinya potongan daripada jumlah keseluruhan harga barangan yang perlu dibayar oleh pembeli.

BAHAGIAN II

PEMAKAIAN

Pemakaian dan pengecualian

3. (1) Peraturan-peraturan ini hendaklah terpakai bagi semua jenis perniagaan yang perlu berdaftar di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pendaftaran perniagaan atau syarikat.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Peraturan-Peraturan ini tidak terpakai bagi mana-mana koperasi yang berdaftar di bawah Akta Koperasi 1993 [*Akta 502*].

Jualan kredit

4. Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, “jualan kredit” ertinya jualan barangan yang—

- (a) kemudahan kredit diberikan oleh seorang penjual atau pemberi kemudahan kredit kepada seorang pembeli dalam urusan penjualan barangan itu;
- (b) pembeli ialah seorang pengguna;
- (c) barang yang terlibat adalah sebagaimana yang ditafsirkan dalam Akta; dan
- (d) bayaran kredit melibatkan bayaran secara ansuran,

tetapi tidak termasuk pembelian barangan yang dibuat bayaran penuh menggunakan kad kredit;

Perjanjian jualan kredit

5. (1) Suatu perjanjian jualan kredit hendaklah dibuat dalam bentuk yang berikut:

- (a) dicetak menggunakan *font* Arial dan saiz tidak kurang daripada 8; dan
- (b) dalam bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris.

(2) Suatu perjanjian jualan kredit hendaklah juga memenuhi apa-apa kehendak lain sebagaimana yang ditentukan oleh Pengawal.

Hak pembeli untuk memilih bahasa perjanjian jualan kredit

6. Seseorang pembeli berhak untuk memilih bahasa perjanjian jualan kredit sama ada dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris sebelum perjanjian jualan kredit ditandatangani.

Ketelusan maklumat

7. (1) Sebelum sesuatu perjanjian jualan kredit ditandatangani, penjual atau pemberi kemudahan kredit hendaklah memaklumkan pembeli secara lisan dan bertulis dalam satu dokumen khusus semasa urusan penawaran jualan dibuat maklumat yang berikut:

- (a) harga jualan tunai barangan;
- (b) kadar faedah yang dikenakan;
- (c) tempoh ansuran;
- (d) amaun bayaran bulanan;
- (e) jumlah harga barangan termasuk faedah;

- (f) caj sampingan;
- (g) caj bayaran lewat dan formula pengiraannya;
- (h) jumlah harga barangan termasuk faedah dan caj sampingan;
- (i) formula pengiraan rebat;
- (j) sama ada pembelian barangan tertakluk kepada pemberian rebat jika barangan itu merupakan barangan promosi atau jika barangan lain ditawarkan sebagai hadiah bagi barangan yang dijual; dan
- (k) tarikh penghantaran barangan.

(2) Maklumat yang dinyatakan dalam dokumen khusus yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah dijadikan sebagai sebahagian daripada tiap-tiap perjanjian jualan kredit yang dibuat antara penjual atau pemberi kemudahan kredit dengan pembeli.

Butiran yang perlu dimasukkan dalam perjanjian jualan kredit

8. (1) Walau apa pun peraturan 7, terma dan syarat perjanjian jualan kredit hendaklah juga termasuk butiran yang berikut:

- (a) penamatan perjanjian jualan kredit;
- (b) kesan kemungkiran perjanjian jualan kredit; dan
- (c) perundingan bagi penyelesaian dengan penjual atau pemberi kemudahan kredit sekiranya berlaku kemungkiran oleh pembeli.

(2) Tandatangan atau cap ibu jari pembeli dan penjual atau pemberi kemudahan kredit atau mana-mana wakil yang diberi kuasa oleh pemberi kemudahan kredit adalah perlu sebagai pengendorsan bahawa—

- (a) jargon teknikal dan undang-undang telah dijelaskan kepada pembeli dalam bahasa yang mudah dan jelas serta boleh difahami olehnya;
- (b) terma dan syarat perjanjian jualan kredit telah dijelaskan kepada pembeli dan difahami olehnya; dan
- (c) maklumat yang dinyatakan dalam subperaturan 7(1) telah dimaklumkan kepada pembeli dan difahami olehnya.

(3) Sesalinan perjanjian jualan kredit hendaklah diserahkan kepada pembeli dalam tempoh dua puluh satu hari dari tarikh perjanjian jualan kredit ditandatangani.

Perjanjian jualan kredit bagi dua atau lebih jenis barangan

9. (1) Penjual atau pemberi kemudahan kredit dibenarkan untuk menyediakan lebih daripada satu perjanjian jualan kredit bagi pembelian yang lebih daripada satu barangan dalam satu transaksi yang sama.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), penjual atau pemberi kemudahan kredit hanya boleh mengenakan satu fi pemprosesan dokumen bagi semua perjanjian jualan kredit bagi pembelian yang dilakukan dalam satu transaksi.

Faedah dan caj sampingan

10. (1) Tiada perubahan boleh dibuat ke atas kadar faedah yang telah ditetapkan selepas perjanjian jualan kredit ditandatangani oleh kedua-dua pihak.

(2) Caj sampingan yang dikenakan hendaklah munasabah dan diperincikan secara jelas kepada pembeli.

(3) Apa-apa fi termasuklah fi dokumentasi tidak boleh dikenakan sekiranya permohonan kredit tidak diluluskan.

Penyelesaian awal

11. (1) Tiap-tiap perjanjian jualan kredit hendaklah membenarkan penyelesaian awal pembayaran oleh pembeli kepada penjual atau pemberi kemudahan kredit.

(2) Sekiranya pembeli membuat penyelesaian awal pembayaran sebelum habisnya tempoh perjanjian jualan kredit, penjual atau pemberi kemudahan kredit hendaklah memberikan rebat kepada pembeli itu.

(3) Walau apa pun subperaturan (2), pemberian rebat boleh dikecualikan bagi barangan promosi atau jika barangan lain ditawarkan sebagai hadiah bagi barangan yang dijual.

(4) Penjual atau pemberi kemudahan kredit tidak boleh mengenakan apa-apa penalti terhadap pembeli yang membuat penyelesaian awal pembayaran.

Penzahiran maklumat peribadi pembeli kepada pihak ketiga

12. Penjual atau pemberi kemudahan kredit tidak dibenarkan untuk menyerahkan maklumat peribadi pembeli kepada pihak ketiga melainkan jika pembeli dimaklumkan mengenai tujuan penzahiran maklumat itu dan kebenaran pembeli diperolehi secara bertulis.

Penyelesaian pertikaian alternatif sekiranya berlaku kemungkiran pembayaran

13. (1) Sekiranya berlaku kemungkiran pembayaran oleh pembeli dalam tempoh yang telah dipersetujui dalam perjanjian jualan kredit, penjual atau pemberi kemudahan kredit boleh—

- (a) membuat tuntutan supaya pembeli membuat penyerahan secara sukarela dengan syarat bahawa notis yang berhubungan dengan penyerahan barangan secara sukarela hendaklah diserahkan kepada pembeli dalam tempoh lima belas hari sebelum tarikh barangan perlu diserahkan;
- (b) membenarkan pembeli membuat perundingan dengan penjual atau pemberi kemudahan kredit untuk penyelesaian pertikaian alternatif; atau
- (c) kedua-duanya.

(2) Penjual atau pemberi kemudahan kredit hendaklah memaklumkan secara bertulis apa-apa keputusan penyelesaian pertikaian alternatif kepada pembeli.

(3) Bagi maksud peraturan ini, “penyerahan secara sukarela” ertinya proses yang membenarkan pembeli untuk menyerahkan barangan yang dibeli secara sukarela kepada penjual atau pemberi kemudahan kredit sekiranya berlaku kemungkiran pembayaran oleh pembeli.

Kewajipan menyimpan dan menyenggara rekod pembayaran

14. (1) Penjual atau pemberi kemudahan kredit hendaklah menyimpan dan menyenggarakan rekod pembayaran bagi tiap-tiap perjanjian jualan kredit dan rekod itu hendaklah dikemaskinikan dari semasa ke semasa.

(2) Pembeli boleh memohon rekod pembayaran daripada penjual atau pemberi kemudahan kredit pada bila-bila masa untuk memeriksa amaun atau jumlah baki pembayaran.

(3) Penjual atau pemberi kemudahan kredit apabila menerima permohonan rekod pembayaran yang disebut dalam subperaturan (2) hendaklah memberikan rekod pembayaran itu kepada pembeli dalam tempoh masa yang munasabah.

BAHAGIAN III

AM

Kesalahan

15. Mana-mana orang yang tidak mematuhi mana-mana peruntukan dalam Peraturan-Peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit, dan bagi kesalahan kali yang kedua atau berikutnya, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit.

Kecualian dan peralihan

16. (1) Tiada apa-apa jua dalam Peraturan-Peraturan ini boleh menjejaskan liabiliti dan kewujudan mana-mana orang yang menjalankan perniagaan jualan kredit untuk didakwa atau dihukum bagi kesalahan yang dilakukan di bawah Peraturan-Peraturan ini sebelum permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini atau mana-mana prosiding yang dibawa atau hukuman yang dijatuhkan sebelum hari itu berhubung dengan kesalahan itu.

(2) Semua transaksi, urusan niaga dan kontrak yang disempurnakan atau dibuat menurut undang-undang termasuklah apa-apa hak atau liabiliti di bawah transaksi, urusan niaga atau kontrak itu yang sedia ada sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, hendaklah disifatkan diteruskan menurut undang-undang dan sah di bawah Peraturan-Peraturan ini.

Dibuat 16 Mac 2012

[KPDN(BUU)(PU²)26/5/54; PN(PU²)607/IV]

DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
*Menteri Perdagangan Dalam Negeri,
Koperasi dan Kepenggunaan*

CONSUMER PROTECTION ACT 1999

CONSUMER PROTECTION (CREDIT SALE) REGULATIONS 2012

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

PART I

PRELIMINARY

Regulation

1. Citation and commencement
2. Interpretation

PART II

APPLICATION

3. Application and exemption
4. Credit sale
5. Credit sale agreement
6. Right of a purchaser to choose the language of a credit sale agreement
7. Transparency of information
8. Details to be included in a credit sale agreement
9. Credit sale agreement for two or more types of goods
10. Interest and ancillary charges
11. Early settlement
12. Disclosure of personal information of purchaser to third party
13. Alternative dispute resolution in the event of default in payment

PART III

GENERAL

14. Obligation to keep and maintain records of payment
15. Offence
16. Savings and transitional

CONSUMER PROTECTION ACT 1999

CONSUMER PROTECTION (CREDIT SALE) REGULATIONS 2012

In exercise of the powers conferred by section 150 of the Consumer Protection Act 1999 [Act 599], the Minister makes the following regulations:

PART I

PRELIMINARY

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Consumer Protection (Credit Sale) Regulations 2012**.

(2) These Regulations come into operation on 1 October 2012.

Interpretation

2. In these Regulations—

“credit facility” means a facility involving installment payment which is provided for the purchaser in a credit sales transaction;

“seller” means any person who sells goods to any purchaser through a credit sale;

“credit facility provider” means any person who provides credit facility to a purchaser in a credit sale transaction;

“rebate” means the deduction of the total price of the goods which shall be paid by the purchaser.

PART II

APPLICATION

Application and exemption

3. (1) These Regulations shall apply to all types of businesses that are required to be registered under any laws relating to the registration of companies or businesses.

(2) Notwithstanding subregulation (1), these Regulations shall not apply to any co-operative society registered under the Co-operative Societies Act 1993 [Act 502].

Credit sale

4. For the purpose of these Regulations, “credit sale” means the sale of goods in which—

- (a) credit facilities are provided by the seller or the credit facility provider to the purchaser in the sale transaction of such goods;
- (b) purchaser is a consumer;
- (c) the goods involved in the credit sales are as interpreted in the Act; and
- (d) the credit payment involved payment by installment,

but does not include the purchased goods in which the full payment is made via credit card;

Credit sale agreement

5. (1) A credit sale agreement shall be made in the following form:

- (a) printed in Arial font in the size of not less than 8; and
- (b) in the national language and the English language.

(2) A credit sale agreement shall also fulfill any other requirement as may be determined by the Controller.

Right of a purchaser to choose the language of a credit sale agreement

6. A purchaser is entitled to choose whether the credit sale agreement is to be in the national language or the English language before the agreement is signed.

Transparency of information

7. (1) Before a credit sale agreement is signed, a seller or credit facility provider shall inform the purchaser orally and in written form in a specific document during the course of making the offer for sale the following information:

- (a) the cash price of the goods;
- (b) the interest rate imposed;
- (c) the period of installments;
- (d) the monthly amount payable;
- (e) the total price of the goods inclusive of interest;
- (f) the ancillary charges;

- (g) the delayed payment charge and its formula of calculation;
- (h) the total price of the goods inclusive of interest and ancillary charges;
- (i) the formula for calculation of rebate;
- (j) whether the purchase of goods is subject to a rebate when the goods are promotional goods or when other goods are offered to as a prize for the goods sold; and
- (k) the date of delivery of the goods.

(2) The information specified in the specific document referred to in subregulation (1) shall be made as part of every credit sale agreement that is entered between the seller or credit facility provider and the purchaser.

Details to be included in a credit sale agreement

8. (1) Notwithstanding regulation 7, the terms and conditions in a credit sale agreement shall also include the following details:

- (a) the termination of the credit sale agreement;
- (b) the implications of default under the credit sale agreement; and
- (c) the consultation for settlement with the seller or credit facility provider in the event of default by the purchaser.

(2) The signature or thumbprint of the purchaser and the seller or the credit facility provider or any authorized representative of the credit facility provider are required as endorsement that—

- (a) the technical and legal jargon have been explained to the purchaser in a simple and clear language and understood by him;
- (b) the terms and conditions of the credit sale agreement have been explained to the purchaser and understood by him; and
- (c) the information specified in subregulation 7(1) have been informed to the purchaser and understood by him.

(3) A copy of the credit sale agreement shall be served to the purchaser within twenty-one days from the date of signing the credit sale agreement.

Credit sale agreement for two or more types of goods

9. (1) A seller or credit facility provider is allowed to provide more than one credit sale agreement for purchases of more than one goods in the same transaction.

(2) Notwithstanding subregulation (1), a seller or credit facility provider may only impose one fee for processing of document for all credit sale agreements for purchases that are carried out in a transaction.

Interest and ancillary charges

10. (1) No changes may be made on the fixed interest rate subsequent to a credit sale agreement signed by both parties.

(2) Ancillary charges imposed shall be reasonable and is clearly itemised to the purchaser.

(3) Any fee including documentation fee shall not be imposed if the credit application has not been approved.

Early settlement

11. (1) Every credit sale agreement shall allow early settlement of payment by the purchaser to the seller or credit facility provider.

(2) If a purchaser makes a payment for an early settlement before the expiration period of the credit sale agreement, the seller or credit facility provider shall grant a rebate to the purchaser.

(3) Notwithstanding subregulation (2), the grant of rebate may be exempted for promotional goods or where other goods are offered as a prize for the goods sold.

(4) A seller or credit facility provider shall not impose any penalty on the purchaser who has made payment for an early settlement.

Disclosure of personal information of purchaser to third party

12. A seller or credit facility provider shall not disclose the personal information of the purchaser to a third party unless the purchaser is informed of the purpose of the disclosure of information and the purchaser's written approval is obtained.

Alternative dispute resolution in the event of default in payment

13. (1) In the event of default in payment by the purchaser within the period agreed in the the credit sale agreement, the seller or the credit facility provider may—

- (a) demand that the buyer voluntarily surrender the goods provided that a notice relating to the voluntary surrender of goods shall be served to the purchaser within the period of fifteen days before the date the goods are to be surrendered;
- (b) allow the purchaser to enter into consultation with the seller or the credit facility provider for alternative dispute resolution; or
- (c) both.

(2) The seller or the credit facility provider shall inform in writing the result of the alternative dispute resolution to the purchaser.

(3) For the purpose of this regulation, “voluntary surrender” means a process in which the purchaser is allowed to surrender purchased goods voluntarily to the seller or credit facility provider in the event of default in payment by the purchaser.

Obligation to keep and maintain records of payment

14. (1) The seller or the credit facility provider shall keep and maintain records of payment for every credit sale agreement and the records shall be updated from time to time.

(2) The purchaser may request for the record of payment from the seller or the credit facility provider at any time to check the amount or the total balance of payment.

(3) The seller or the credit facility provider upon receipt of the request for the record of payment referred to in subregulation (2) shall provide the record of payment to the purchaser within a reasonable period of time.

PART III

GENERAL

Offence

15. Any person who fails to comply with any of the provisions in these Regulations commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding fifty thousand ringgit, and for the second or subsequent offence, to a fine not exceeding one hundred thousand ringgit.

Savings and transitional

16. (1) Nothing in these Regulations shall affect the liability and existence of any person who carries out credit sales business to be prosecuted or punished for offences committed under these Regulations before the commencement of these Regulations or any proceeding brought or sentence imposed before that day in relation to such offence.

(2) All transactions, dealings and contracts executed or lawfully made including any right or liability under such transactions, dealings or contracts existing immediately before the coming into operation of these Regulations, shall be deemed to continue to be lawful and valid under these Regulations.

Made 16 March 2012

[KPDN(BUU)(PU²)26/5/54; PN(PU²)607/IV]

DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
*Minister of Domestic Trade, Co-operatives
and Consumerism*

P.U. (A) 90.

AKTA KASTAM 1967

PERINTAH KASTAM (NILAI-NILAI) (ISIRONG KELAPA SAWIT) (No. 4) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 12 Akta Kastam 1967 [Akta 235], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kastam (Nilai-Nilai) (Isirong Kelapa Sawit) (No. 4) 2012** dan hendaklah mula berkuat kuasa bagi tempoh dari 1 April 2012 hingga 30 April 2012.

Pemungutan dan pembayaran duti kastam

2. Bagi maksud pemungutan dan pembayaran duti-duti kastam, menurut peruntukan-peruntukan Perintah Duti Kastam 2007 [P.U. (A) 441/2007], nilai bagi Isirong Kelapa Sawit yang jatuh di bawah nombor subkepala 1207.99 410 adalah RM2,518.07 satu tan.

CUSTOMS ACT 1967

CUSTOMS (VALUES) (PALM KERNEL) (No. 4) ORDER 2012

IN exercise of the powers conferred by section 12 of the Customs Act 1967 [Act 235], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. This order may be cited as the **Customs (Values) (Palm Kernel) (No. 4) Order 2012** and shall have effect for the period from 1 April 2012 to 30 April 2012.

Levy and payment of customs duties

2. For the purpose of the levy and payment of customs duties, in accordance with the provisions of the Customs Duties Order 2007 [P.U. (A) 441/2007], the value of Palm Kernel falling under subheading number 1207.99 410 shall be RM2,518.07 per tonne.

Dibuat 30 Mac 2012

Made 30 March 2012

[KE.HT(94)819/03-6/KLT. 11(118); Perb. (8.20)116/1-4; PN. (PU2168/IV]

Dengan arahan Menteri Kewangan.

By direction of the Minister of Finance.

Bagi pihak dan atas nama Menteri Kewangan/

On behalf and in the name of the Minister of Finance

YONG BUN FOU
*Timbalan Kanan Setiausaha/
Senior Deputy Under Secretary
Bahagian Analisa Cukai/
Tax Analysis Division*

P.U. (A) 91.**AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959****PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (LEBUH RAYA PENYURAIAN TIMUR (EDL)) 2012**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Jalan Persekutuan 1959 [*Akta 376*], Menteri, setelah berunding dengan Kerajaan Negeri Johor, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan Persekutuan (Lebuh Raya Penyuraian Timur (EDL)) 2012**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 April 2012.

Perisytiharan jalan sebagai jalan Persekutuan


2. (1) Bahagian jalan yang dikenali sebagai Lebuh Raya Penyuraian Timur (EDL) yang bermula dari koordinat T+23070.275, U-63763.321 Grid Cassini Negeri Johor dan berakhir di kilometer 7.97 Lebuh Raya Penyuraian Timur (EDL) (di koordinat T+22357.6414, U-57366.4813, Grid Cassini Negeri Johor) termasuklah Pusat Pungutan Tol dalam Bangunan Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin yang dikenali sebagai Bangunan Sultan Iskandar, Persimpangan Bertingkat CIQ (BSI), Persimpangan Bertingkat Bakar Batu, Persimpangan Bertingkat Pandan termasuk jalan-jalan sambungannya, iaitu suatu jarak sepanjang 7.97 kilometer, diisytiharkan sebagai jalan Persekutuan.

(2) Jalan yang diisytiharkan sebagai jalan Persekutuan di bawah subperenggan (1) ditunjukkan dalam peta dalam Jadual.

JADUAL

[Subperenggan 2(2)]

PETA LEBUH RAYA PENYURAIAN TIMUR (EDL)



Dibuat 29 Mac 2012

[KKR.PUU.110-1/7/29; PN(PU2)391/XXIV]

DATUK SERI SHAZIMAN BIN ABU MANSOR
Menteri Kerja Raya

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat di bawah seksyen 4 Akta Jalan Persekutuan 1959]

FEDERAL ROADS ACT 1959

FEDERAL ROADS (EASTERN DISPERSAL LINK EXPRESSWAY (EDL)) ORDER 2012

IN exercise of the powers conferred by section 3 of the Federal Roads Act 1959 [*Act 376*], the Minister, after consultation with the State Government of Johor, makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Federal Roads (Eastern Dispersal Link Expressway (EDL)) Order 2012**.

(2) This Order comes into operation on 1 April 2012.

Declaration of road to be Federal road


2. (1) That part of the road known as the Eastern Dispersal Link Expressway (EDL) commencing from coordinates E+23070.275, N-63763.321 of the State of Johor Cassini Grid and ending at kilometre 7.97 Eastern Dispersal Link Expressway (EDL) (at coordinates E+22357.6414, N-57366.4813 of the State of Johor Cassini Grid) including the Toll Collection Centre in the Customs, Immigration and Quarantine Complex which is known as Bangunan Sultan Iskandar, CIQ (BSI) Interchange, Bakar Batu Interchange, Pandan Interchange and its link roads, being a distance of 7.97 kilometres is declared to be a Federal road.

(2) The road declared to be a Federal road under subparagraph (1) is shown on the map in the Schedule.

SCHEDULE

[Subparagraph 2(2)]

MAP OF EASTERN DISPERSAL LINK EXPRESSWAY (EDL)



Made 29 March 2012
 [KKR.PUU.110-1/7/29; PN(PU2)391/XXIV]

DATUK SERI SHAZIMAN BIN ABU MANSOR
Minister of Works

[To be laid before the Dewan Rakyat under section 4 of the Federal Roads Act 1959]

P.U. (A) 92.**AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959****PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (MALAYSIA BARAT) (PINDAAN) (No. 2) 2012**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Jalan Persekutuan 1959 [*Akta 376*], Menteri setelah berunding dengan Kerajaan Negeri Johor, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 2) 2012**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 April 2012.

Pindaan Jadual Pertama

2. Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) 1989 [*P.U. (A) 401/1989*] dipinda dalam Jadual Pertama di bawah kepala “Negeri Johor” dengan memotong butiran 31.

Dibuat 29 Mac 2012

[KKR.PUU. 110-1/6/7; PN(PU²)391/XXIV]

DATUK SERI SHAZIMAN BIN ABU MANSOR
Menteri Kerja Raya

FEDERAL ROADS ACT 1959**FEDERAL ROADS (WEST MALAYSIA) (AMENDMENT) (No. 2) ORDER 2012**

IN exercise of the power conferred by section 3 of the Federal Roads Act 1959 [*Act 376*], the Minister after consultation with the State Government of Johor, makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Federal Roads (West Malaysia) (Amendment) (No. 2) Order 2012**.

(2) This Order comes into operation on 1 April 2012.

Amendment of First Schedule

2. The Federal Roads (West Malaysia) Order 1989 [*P.U. (A) 401/1989*] is amended in the First Schedule under the heading of “Negeri Johor” by deleting item 31.

Made 29 March 2012

[KKR.PUU. 110-1/6/7; PN(PU2)391/XXIV]

DATUK SERI SHAZIMAN BIN ABU MANSOR
Minister of Works

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA